

19 AUG 2000

Mahathir-Khir

DR MAHATHIR BERTEMU DR MOHD KHIR

KUALA LUMPUR, Aug 19 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan Menteri Besar Selangor yang baru, Dr Mohd Khir Toyo, supaya jujur dalam menjalankan tanggungjawabnya dan menjauhkan diri daripada perkara yang tidak sepatutnya.

Menurut Dr Mohd Khir yang bertemu Perdana Menteri buat pertama kali selepas dilantik Menteri Besar, nasihat itu disampaikan Dr Mahathir kepada beliau sebelum berlepas ke Mozambique untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 2000.

"Dr Mahathir menasihatkan saya supaya berkerja bersungguh-sungguh, bersikap jujur demi agama, bangsa dan negara dan menyatakan perlunya kita menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang tidak sepatutnnya," katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri di Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini.

Terdahulu, Dr Mohd Khir bertemu Perdana Menteri selama hampir 30 minit bersama dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Setiausaha Umno Tan Sri Khalil Yaacob, dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Tan Sri Muhammad Muhammad Taib.

Pengumuman pelantikan Anggota Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang itu sebagai Menteri Besar Selangor dibuat semalam.

Dr Mohd Khir menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar yang meletakkan jawatan secara mengejut pada 10 Ogos lepas atas alasan kesihatan.

Dalam sidang media yang turut disertai Abdullah, Khalil dan Muhammad, Dr Mohd Khir berkata beliau akan mengadakan perbincangan dengan para pemimpin Umno Selangor bagi melancarkan tugasnya sebagai Menteri Besar dan memastikan Umno negeri itu bergerak sebagai satu pasukan.

Secara peribadi beliau menyifatkan pelantikan itu sebagai satu tanggungjawab yang amat berat.

Dr Khir, 35, bagaimanapun berkata pelantikannya itu satu kepercayaan kepada golongan muda untuk bersama-sama dalam arus perdana kepimpinan dan politik negara bagi memastikan negara tetap aman dan maju.

Beliau mencipta sejarah sebagai Menteri Besar paling muda di Selangor.

Sementara itu, Abdullah berkata pelantikan Dr Mohd Khir itu adalah pengiktirafan terhadap kebolehan dan kemampuan beliau walaupun masih muda.

Dr Mohd Khir ialah Ketua Pemuda Umno Bahagian Tanjung Karang dan Pengerusi Biro Agama Pergerakan Pemuda Umno Malaysia.

Abdullah berkata kebijaksanaan Dr Mahathir terserlah dengan pemilihan Dr Mohd Khir kerana yakin dengan kemampuan golongan muda dalam barisan kepimpinan Umno.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Dr Mohd Khir, beliau berkata Selangor merupakan sebuah negeri membangun yang menghadapi banyak cabaran dan dugaan.

Abdullah berkata Selangor kini mempunyai kombinasi kepimpinan yang baik berikutan pelantikan Muhammad yang juga Naib Presiden Umno sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor yang baru dan Dr Mohd Khir sebagai timbalannya.

Beliau berkata ini kerana Muhammad yang juga bekas Menteri Besar mempunyai banyak pengalaman dalam Umno dan kepimpinan kerajaan negeri akan dapat menyumbang ke arah pembangunan negeri.

"Saya yakin dengan kerjasama dan pertolongan Tan Sri Muhamad (kepada Dr Mohd Khir) serta sokongan beliau, InysaAllah, MB Selangor akan jadi MB yang berjaya," katanya.

Ditanya mengenai kedudukan Timbalan Menteri Besar Datuk Zainal Abidin Ahmad, Abdullah berkata Dr Mohd Khir akan menentukan kedudukan itu selepas berbincang dengan Dr Mahathir dan Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah.

"Pada waktu ini tidak ada apa-apa perubahan," katanya.

-- BERNAMA

MAM HS AZZ LAT